

# AISVA

MENGEMBARA DI RIMBA ALAM



***Dr. Aila Abdul latif***

Idea & tulisan: Aila Abdul Latif

Illustrator : Siti Emalia Merzuki

*Sinopsis:*

*Aisya tersesat di sebuah hutan fantasi iaitu Rimba Alam.*

*Di sana Aisya bertemu dengan haiwan yang berkata-kata  
dan saling mengajar erti hidup bekerjasama.*



Penerbit: Pustaka Negeri Sarawak

Tahun penerbitan: 2021

**Aisya Mengembara di Rimba Alam**

**Cetakan Pertama 2021**

**Diterbitkan oleh:**

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

**Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pustaka Negeri Sarawak.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Aila Abdul Latif, Dr., 1979-

AISYA MENGEMBARA DI RIMBA ALAM / Dr. Aila Abdul Latif.

ISBN 978-983-9205-75-6

1. Children's stories, Malay.

2. Malay fiction.

3. Fantasy fiction, Malay.

4. Government publications--Malaysia.

I. Siti Emalia Merzuki. II. Judul.

899.2333

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbit ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti dari segi subjek yang dibincangkan. Penerbit dan penulis tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya nasihat atau bantuan pakar diperlukan, sila dapatkan khidmat dan nasihat daripada pakar berkecualan.


## Isi Kandungan

### Sinopsis

### Rujukan Penekanan Konsep

---

1.	Nilai kewibawaan pemimpin	5
2.	Konsep perwakilan yang jelas	7
3.	Konsep perbezaan & kepelbagaian	9
4.	Memulihara landskap semulajadi	12
5.	Pentingnya penetapan sempadan	14
6.	Konsep mendapatkan kebenaran	16
7.	Kreatif dari satu bahan	18
8.	Janganlah cemas!	20
9.	Stok untuk keperluan bersama	22
10.	Pastikan dengan teliti!	24
11.	Pentingnya sistem rekod!	26
12.	Kreatif dalam seni	28
13.	Sumber buah-buahan dari kebun	30
14.	Kebolehan berbahasa asing	32
15.	Masa lapang yang terbuang	34
16.	Kepakaran yang berbagai	36
17.	Meningkatnya pencapaian	38
18.	Konsep risiko dan gantirugi	40
19.	Bukan kosong tanpa hasil	42
20.	Landskap indah dari debunga	44



**Membantu kanak-kanak  
mengenali kepelbagaian  
haiwan-haiwan dan  
karakter**

**Menyemai pemahaman  
nilai-nilai murni kepada  
kanak-kanak melalui cara  
penceritaan yang halus**

**Membantu kanak-kanak  
untuk berfikir untuk  
mendalami perkara yang  
tersirat di sebalik peristiwa  
dan keadaan**

Suatu hari itu sungguh damai. Sang Kancil si Raja Rimba dan penasehatnya, Aisyah berjalan-jalan melewati sekitar Jajahan Rimba Alam. Mereka berdua sangat gembira melihat keadaan Jajahan Rimba Alam yang bersih dan aman.

Tiba-tiba Aisyah terlihat satu kawasan yang sangat cantik. Kolam besar yang dipenuhi dengan bunga-bunga berwarna-warni yang terapung-apung di air. "Wah! Cantiknya pemandangan di sini," kata Aisyah dengan takjub. Sang Kancil si Raja Rimba juga terpempan.

"Cepatnya kawasan ini berubah rupa. Inilah kawasan tanah lumpur yang menyebabkan Sang Unta kemalangan suatu ketika dulu," ujar Aisyah kepada Sang Kancil si Raja Rimba. Mereka berdua seolah-olah tidak percaya dengan kewujudan taman teratai yang sungguh indah itu.

Tiba-tiba mereka dikejutkan dengan satu suara. "Hai, Tuanku dan penasihatnya, Aisyah. Inilah hasil kerja kami sekeluarga. Kami harap sesiapa saja akan menyukainya," kata Sang Rama-Rama.

"Sudah tentu, ini hasil kerja yang sangat cemerlang," puji Sang Kancil Raja Rimba dengan ikhlas. "Kerja yang tekun dan bersungguh-sungguh pasti membuahkan hasil yang terbaik," tambah Aisyah pula.

Sang Rama-Rama sekeluarga amat gembira apabila usaha mereka selama ini dihargai. Mereka terbang ke sana-sini sambil mengepak-ngepakkan sayap di celah-celah bunga-bunga yang indah itu.



## Hari - 5

Awal-awal pagi lagi Sang Beruang sudah datang mengadap Raja Rimba Alam. Dia mengadu bahawa Sang Serigala telah menceroboh kawasan rumahnya. "Kamu sudah hidup berjiran selama bertahun-tahun Berundinglah secara baik, supaya memperoleh keputusan yang memuaskan hati kedua-dua pihak. Dan yang paling penting, kamu dapat menjaga hati Sang Serigala, jiran kamu," nasihat Sang Kancil si Raja Rimba. "Saya sudahpun cuba memujuknya untuk memindahkan tanamannya, tetapi Sang Serigala tetap berdegil," jawab Sang Beruang dengan kecewa.

"Saya rasa, lebih baik kita meminta Sang Tikus dan kawan-kawannya membantu kita menyukat sempadan di antara rumah Sang Beruang dan Sang Serigala. Ia lebih adil dan akan memuaskan hati semua pihak," Aisya membuat cadangan. Setelah semuanya bersetuju, mereka pun menjemput Sang Tikus dan bersama-sama pergi menemui Sang Serigala.

Sang Serigala menerima kedatangan mereka semua dengan lemah-lembut. "Elok juga kita sama-sama menyukat tanah ini. Saya enggan berpindah kerana telah cuba menyukatnya sendiri tempoh hari. Saya rasa, kebun ini berada di atas tanah saya," ujar Sang Serigala. Mereka pun sama-sama menyukat tanah itu dengan bantuan Sang Tikus yang cekap untuk mendapatkan penyelesaian masalah di antara Sang Beruang dan Sang Serigala itu. Ternyata, kebun Sang Serigala tidak memasuki kawasan rumah jirannya, Sang Beruang.

"Ohhh! Rupa-rupanya saya sudah tersilap. Maafkan saya, Raja Rimba dan kawan-kawan semua. Rupa-rupanya sempadan tanah berada di sini. Maafkan saya, Sang Serigala. Saya tidak akan tersalah anggap lagi," bisik Sang Beruang dengan nada sungguh kesal. "Tidak mengapa, saya tahu awak tidak sengaja. Lagipun selama ini awak adalah jiran yang baik," jawab Sang Serigala dengan lemah-lembut. Mereka semua gembira mendengar kedua-dua jiran itu sudah mencapai kata sepakat. Sang Beruang dan Sang Serigala mengucapkan terima kasih kepada Sang Kancil si Raja Rimba dan Aisya, serta kawan-kawan yang lain.

